



BYL RESOURCES

3 Rahsia Istighfar Mencapai Impian

Fazrul Ismail



Isi Kandungan

Istighfar Lambang Kehambaan

03

Makin Ingin Jadi Hamba, Makin Kita Banyak Istighfar

Istighfar Itu Pada Lisan, Hati & Perbuatan

07

Daripada istilah Istighfar, ada maksud yang luas

Kesan Hebat Istighfar

14

Banyak sungguh kesan istighfar sebagaimana dinyatakan oleh Nabi Nuh untuk panduan kita

Rahsia 1

Istighfar Lambang Kehambaan

Rahsia 1

Istighfar Lambang Kehambaan



Mengapa perlu jadi hamba?

Jadi hamba adalah shortcut untuk mencapai impian yang rendah atau tinggi dalam kehidupan.

Namun hamba kepada siapa yang pasti berjaya? Makin seseorang menjadi hamba pada sesuatu, ia akan dibantu oleh 'sesuatu' itu. Semua yang ada dalam dunia ini semuanya lemah, kecuali Pencipta itu sendiri.

Jika kita menjadi hamba kepada Yang Maha Pencipta, sudah tentu kita akan dibantu oleh Tuhan Yang Maha Perkasa dan Penyayang.

Tidak boleh keliru atau bercampur-campur kehambaan. Ia akan menyebabkan kejayaan yang dicapai itu lambat atau tersasar dari yang diinginkan dalam masa yang tertentu.

Hamba Selalu Buat Silap

Hari ini, anda ada buat silap? Sebagai seorang anak, sebagai seorang ayah atau ibu, atau sebagai seorang insan di dunia ini?

Sudah tentu ada.

Dengan kesilapan dan kekurangan ini, kita akan menjadi lemah.

Untuk mencapai impian, sifat kehambaan kita ini akan menjadi penghambat kepada kejayaan. Kesannya, ada yang putus asa untuk mencapai impian.

Atau ada yang merasakan, alang-alang lemah dan kekurangan, saya akan terus buat kesilapan tersebut. Padahal diri sendiri tahu bahawa kejayaan itu tidak mungkin tercapai dengan kelemahan yang ada.

Jadi bagaimana untuk menguruskan kesilapan? Bagaimana menguruskan kelemahan? Bagaimana menguruskan sifat hati yang mudah negatif?

Istighfar.

Istighfar Melonjakkan Kehambaan

Istighfar menyebabkan kita mengaku kesilapan. Kita mengaku kelemahan. Kita mengaku hati yang mudah negatif untuk mencapai kejayaan.

Inilah ciri kehambaan yang dipupuk oleh istighfar. Ia kalimah yang ringkas, namun menjadi 'anchor' atau pasak yang amat utuh.

Apabila si anak mengadu masalah, si ayah pasti akan menolongnya. Apabila kita mengadu pada Sang Pencipta ayah, tentu Sang Pencipta tidak akan biarkan begitu sahaja.

Itulah Allah Maha Pemurah. Yang amat kasih pada hamba-Nya.

Rahsia 2

Istighfar Itu Pada Lisan,
Hati dan Perbuatan

Rahsia 2

Istighfar Pada Lisan, Hati dan Perbuatan



Ada yang istighfar, tapi masih tidak berkesan

Istighfar ialah satu pasak atau anchor yang amat mantap.

Kita perhatikan Nabi Nuh dan nabi-nabi yang lain amat menitikberatkan pasal Istighfar.

**Sehingga aku berkata (kepada mereka):
Pohonkanlah ampun kepada Tuhan
kamu, sesungguhnya adalah Dia Maha
Pengampun. (Surah Nuh 71:10)**

Jadi istighfar bukan perkara kecil. Ia adalah perkara yang amat besar. Sudah tentu target Nabi-nabi ialah untuk membawa ramai manusia ke arah kejayaan dan mencapai impian.

Apa perkara yang tak cukup dalam Istighfar saya?

Sering kita istighfar. Di sekolah biasanya akan ada majlis untuk zikir dan istighfar beramai-ramai.

Namun mengapa seperti ada sesuatu yang tidak kena?

Selepas istighfar, ada yang tendang kawan. Ada yang memukul atau makin malas belajar. Ada yang ingin lari dari kelas.

Malah semasa istighfar itu sendiri, ada yang cucuk-cucuk kawan. Ada yang gelak-gelak.

Rupa-rupanya dalam istilah Istighfar itu paling kurang ada 3 kesan yang perlu diberi perhatian. Kalau salah satunya hilang, akan hilanglah kesan istighfar. Elemen ke 2 dan ke 3 amat penting diberi perhatian.

★ 1. lisan ★

★ 2. hati ★

★ 3. anggota ★

Lisan - Hati - Anggota

Yang biasa dibuat ialah istighfar dengan lisan atau lidah. Ia penting untuk memandu hati.

Kalau terus sahaja ke hati, ada yang tak sampai-sampai ke hati.

Namun di lidah tidak cukup. Ia perlu disampaikan pada hati. Hati inilah yang menjadi fokus hidayah. Dengan hidayah dan dekatnya dengan Allah, impian kita akan dikabulkan oleh Allah.

Apabila istighfar datang dari hati, si hati akan mengaku benar-benar kelemahan dan kesilapan. Kalau istighfar hanya di lidah, ia tidak benar-benar dihayati.

Hati yang benar-benar mengaku, akan mula mengambil tindakan dengan anggota tubuh badan.

Berikut ialah antara skrip seorang hamba dalam berdoa atau mengadu pada Pencipta.

Apa yang anda nampak di sebalik skrip berikut?

01**Aku lemah Ya Allah**

Ampuni aku Ya Allah. Aku lemah kawal perasaan. Hati selalu lemah

02**Aku silap Ya Allah**

Ampuni aku Ya Allah. Aku sudah rancang yang terbaik, tetapi aku tetap silap. Pasal aku hambaMu ya Allah. Tolong ampuni aku

03**Aku gagal Ya Allah**

Ampuni aku Ya Allah. Aku nak capai impian tinggi. Tapi masih gagal. Belum seminggu, dah lupa apa yang aku inginkan dan lupa nak berdoa.

04**Aku blur Ya Allah**

Ampuni aku Ya Allah. Aku nak yang terbaik, tetapi mudah blur. Aku tengok orang lain jelas sahaja matlamat. Tapi aku yakin Engkau sentiasa bantu hambaMu yang lemah ini.

Daripada skrip di atas, apa kesannya?

Jiwa akan tenang

Jiwa akan kembali segar selepas itu

Jiwa akan kenalpasti apakah perkara yang perlu dilaksanakan, walaupun kecil

Jiwa akan laksanakan apa yang diperintahkan Allah, nanti akan diberi bantuan dan bantuan

Istighfar dan Doa Berpisah Tiada

Jika kita perhatikan apa yang dinyatakan di atas, seorang yang beristighfar dari hati akan melahirkan skrip yang amat luar biasa.

Ia menjadi DOA!

Doa adalah otak ibadah kerana di sebalik DOA ada ISTIGHFAR. Di sebalik Istighfar ada DOA.

DOA dan ISTIGHFAR ialah ciri seorang hamba yang berotak!

SABDA NABI

**“Demi Allah,
sesungguhnya aku
memohon ampun kepada
Allah dan bertaubat
kepada-Nya lebih
daripada tujuh puluh kali
dalam sehari”**

Nabi beristighfar leboh 70x. Untuk kita? Paling kurang 70x diperlukan agar kita makin cemerlang. Istighfar dari hati dan membawa kepada amal

Rahsia 3

Kesan Hebat Istighfar

Rahsia 3

Kesan Hebat Istighfar



Ada kesan kalau saya banyak istighfar?

Ketika kecil saya di Kluang, menunggu imam berwirid dan beristighfar adalah pengalaman yang tidak menyeronokkan. Kalau boleh ingin bangun segera dan bermain. 'Bermain lebih mendatangkan faedah', fikir waktu itu.

Rupa-rupanya pada Istighfar itu ada banyak faedah yang hebat. Bukan kecil-kecil.

Mari kita perhatikan Surah Nuh ayat 11-12.

Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan dari langit mencurah-curah, kepada kamu; (11) Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya). (12)

01**Dihantar dari Langit
Mencurah-curah**

Dari langit diturunkan hujan. Bukan sekadar itu, ada ilham, rezeki, kebahagiaan dan pelbagai lagi RAHMAT.

02**Ditambah harta**

Harta akan bertambah kuantiti dan kualiti yang akan mendekatkan diri kepada Allah. Yang penting TAMBAH

03**Ditambah anak generasi**

Ditambah kuantiti dan kualiti anak serta generasi akan datang.

04**Dijadikan kebun**

Kebun atau jannah. Di dunia ini memang kita suka kalau dapat taman. Yang pasti di akhirat nanti kita akan mendudukinya dengan bahagia tanpa perlu bayar sewa atau perlu bersihkan sampah.

05**Dijadikan sungai**

Sungai ialah lambang tenang dan kaya. Sesiapa ada sungai sebagai asetnya, itu tanda kaya yang hebat. Di akhirat nanti, orang yang beristighfar akan dapat ini dengan PASTI.

Kami menjemput anda untuk mendalami wahyu membina kejayaan

Makin hamba, makin DOA dan ISTIGHFAR.
Bagaimana teknik DOA untuk membina
kejayaan? Apakah AMALAN atau HABIT untuk
terus membina legasi kejayaan?

BUILD YOUR LEGACY

MEMBINA LEGASI KEJAYAAN
BERTERASKAN WAHYU

[KLIK DI SINI](#)